

PENGAYAAN 4 : MORFOLOGI

Disediakan oleh Cikgu Rozita

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **empat kata majmuk** dan **lima kata bilangan** Kenal pasti jenis-jenis kata tersebut dan tulis dalam jadual di bawah. Anda perlu menyusun kata tersebut mengikut urutan dalam petikan. Jawapan tidak boleh dilangka kedudukan. Perkataan yang sama yang berulang tidak perlu ditulis sekali lagi. Kemudian anda dikehendaki **membina satu ayat** anda sendiri bagi **semua perkataan** yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud penggunaannya. Anda **tidak boleh** menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau kata nama khas.

Isu keruntuhan akhlak para remaja sering menjadi buah mulut masyarakat kini. Sesetengah masyarakat berpendapat bahawa punca utama masalah ini disebabkan oleh institusi keluarga. Remaja yang tidak mendapat didikan agama akan hilang hala tuju hidup. Setiap keluarga perlulah memastikan anak-anak diberikan didikan yang sempurna. Hal ini demikian kerana kebanyakan remaja berasa mereka kurang diberikan perhatian dan kasih sayang daripada ibu bapa dan keluarga mereka. Oleh itu, pelbagai pihak perlulah berganding bahu dalam membentuk modal insan yang akan menjadi tulang belakang negara pada masa hadapan.

(18 markah)

Kata Bilangan	Kata Majmuk
1.	1.
2.	2.
3.	3.
4.	4.
5.	

Membina Ayat

- Salah punca berlakunya masalah sosial dalam kalangan remaja ialah mereka kurang mendapat _____ daripada ibu bapa. _____
- _____ penduduk di negara kita masih tidak mengamalkan budaya menjaga kebersihan.
- Berita kematian penyanyi terkenal itu menjadi _____ dalam kalangan rakyat Malaysia.
- Pada _____ pagi, ibu dan ayah saya bersarapan di gerai itu.
- _____ guru dinasihatkan supaya mendapatkan suntikan vaksin sebelum sesi persekolahan dibuka nanti.
- _____ murid sekolah itu terdiri daripada penduduk berdekatan sahaja.
- Kaum muda akan menjadi _____ negara pada masa hadapan.
- Taklimat penjagaan bayi itu khusus untuk _____ yang masih muda.
- Semasa menghadiri majlis itu, Anis melihat _____ ragam tetamu yang hadir.

